

Kampus baharu i-CATS fokus program latihan selenggara hidrogen, EV

Oleh [Mohd Roji Kawi](#) - Ogos 9, 2023 @ 9:32am
mdroji@bh.com.my



Tan Sri Abang Johari Abang Openg menyempurnakan Majlis Konvokesyen Sarawak Skills dan Kolej Universiti (i-CATS) ke-25 semalam. - Foto NSTP/Mohd Roji Kawi

KUCHING: Kampus baharu institusi pengajian tinggi milik Sarawak, Kolej Universiti i-CATS akan dilengkapi peralatan teknologi bagi melahirkan lebih ramai graduan berkemahiran dalam sains gunaan.

Premier Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg, berkata pihak universiti sudah menyediakan reka bentuk kampus yang akan dibina di kawasan seluas lebih 80 hektar di Trombol, berdekatan Kampung Telaga Air.

Pembinaan kampus baharu itu selaras dengan hasrat untuk memperbanyakkan program latihan kemahiran hijau bagi melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir dalam bidang penyelenggaraan hidrogen dan kenderaan elektrik (EV).

"Semua kursus berkaitan penyelenggaraan hidrogen dan EV akan dijalankan di kampus baharu itu nanti. Ini satu kursus kejuruteraan yang baharu dan pihak universiti sedang meneliti model kursus dengan merujuk kepada institusi pengajian tinggi di Jerman yang menawarkan kursus berkenaan," katanya semalam.

Mengulas lanjut, Abang Johari berkata, usaha untuk melahirkan ramai tenaga mahir dalam teknologi hijau dan sumber tenaga alternatif yang boleh diperbaharui perlu dilipat gandakan kerana Sarawak berhasrat untuk menjadi peneraju dalam bidang itu.

"Kita menyediakan kursus berkaitan penyelenggaraan hidrogen dan EV di universiti kita sendiri untuk melahirkan tenaga mahir yang mampu menyelenggara industri yang menggunakan tenaga diperbaharui.

"Ini kerana kerajaan Sarawak melaksanakan dasar ke arah pemeliharaan alam sekitar dengan beralih kepada tenaga hijau yang sifar karbon, malah Sarawak menjadi peneraju pembangunan ekosistem dan penjanaan hidrogen hijau di Malaysia," katanya.

Selain itu, beliau berkata kerajaan Sarawak juga akan menambah dermasiswa dan biasiswa kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran di Kolej Universiti i-CATS dan institusi pengajian tinggi milik kerajaan negeri.